

22 JUN 2002

Mahathir-Gulung (Melayu)

UMNO TIDAK AKAN SEKALI-KALI ANIAYA BANGSA MELAYU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti pejuang bangsa Melayu itu tidak akan sekali-kali mengabaikan atau menganiaya orang Melayu walaupun kerajaan mengambil beberapa pendekatan baru yang dilihat mengancam kepentingan kaum berkenaan.

Namun begitu, menurutnya, mereka perlu belajar berdikari sedikit demi sedikit tanpa terlalu bergantung kepada pertolongan kerajaan bagi membolehkan umat Melayu menjadi maju setanding dengan bangsa lain.

"Kita harus ingat orang yang selalu dibantu akan menjadi lemah. Kalau kita selalu jalan bertongkat, kita tak akan boleh jalan kalau tiada tongkat.

"Sebab itu kita harus jalan sedikit-sedikit tanpa tongkat," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau merujuk kepada keputusan kerajaan menambah tempat sebanyak 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program matrikulasi, dua saluran pendidikan yang sebelum ini dianggap menjadi hak istimewa orang Melayu.

Dr Mahathir berkata: "Ini akan dilakukan tanpa mengabaikan anak-anak kita. Umno tidak sekali-kali menganiaya orang Melayu."

Menyentuh penggunaan sistem merit untuk kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), beliau berkata tahun ini 69 peratus daripada pelajar yang memasuki institusi itu adalah Melayu tetapi ia tidak bermakna anak-anak Melayu boleh berasa selesa tetapi sebaliknya perlu berusaha untuk terus meningkatkan bilangan mereka yang layak.

Sistem itu menggantikan sistem kuota yang digunakan sebelum ini untuk kemasukan ke IPTA -- 55 peratus untuk pelajar Bumiputera dan selebihnya untuk bukan Bumiputera.

Beliau berkata jika sistem kuota diteruskan, ia mungkin bermakna ramai pelajar Melayu tidak akan mendapat tempat walaupun jumlah mereka yang mendapat keputusan cemerlang melebihi 55 peratus.

Mengenai perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata kehadiran perwakilan dan penyokong Umno dari golongan muda dan tua kali ini di PWTC adalah jauh lebih besar daripada biasa walaupun tiada pemilihan parti diadakan.

Menurutnya, ini boleh diterjemahkan sebagai kesedaran yang meningkat di kalangan orang Melayu tentang pentingnya perjuangan Umno dan keinginan mereka untuk sama-sama berjuang dengan parti itu.

Menyentuh tindakannya meminta maaf dalam ucapan dasarnya kerana gagal memajukan bangsa Melayu pada hari pertama perhimpunan itu Khamis lepas, Dr Mahathir berkata beliau berbuat demikian secara ikhlas.

"Saya harap tak ada sesiapa yang fikir tujuan saya berbuat demikian ialah untuk meraih simpati," katanya.

Mengulas perkara-perkara yang ditimbulkan dalam perbahasan usul agama dan sosial, Dr Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa hudud ala PAS adalah contoh bahawa parti pembangkang itu menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

-- BERNAMA

MAM ZS MOZ